

MAJLIS PELANCARAN PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD (PUNB)

DEWAN TUN ISMAIL, PWTC, KUALA LUMPUR (K.L), 28 Julai 1992

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana menjemput saya ke Majlis ini dan seterusnya melancarkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).

2. Majlis hari ini besar ertinya kepada masyarakat Bumiputera terutama usahawan-usahawan Bumiputera. Dengan tertubuhnya PUNB, satu lagi program khas diwujudkan untuk membantu Bumiputera bergiat dengan lebih kemampuan untuk berjaya di dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

3. Penubuhan PUNB sekali lagi membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berdayamaju. Ianya adalah selaras dengan usaha untuk mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera atau MPPB yang bukan sahaja berdaya maju tetapi juga boleh menghadapi persaingan di pasaran terbuka di negara ini.

4. Semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) berbagai-bagai program dan kemudahan telah disediakan oleh Kerajaan untuk membantu Bumiputera berjaya di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Berbagai-bagai badan amanah seperti MARA, UDA dan PNB ditubuhkan untuk membolehkan Bumiputera memainkan peranan yang cergas dan bermakna di dalam bidang korporat. Beribu-ribu juta ringgit sudah diperuntukkan untuk menolong Bumiputera menyertai bidang perdagangan dan perindustrian. Beberapa tabung seperti Tabung Pemulihan Usahawan dan Tabung Usahawan Baru diwujudkan juga untuk membantu usahawan Bumiputera. Namun usaha membentuk MPPB masih belum mencapai tahap yang digariskan.

5. Kita tidak menafikan bahawa DEB telah dapat melahirkan sebilangan usahawan Bumiputera yang berjaya. Tetapi pada keseluruhannya pencapaian Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian adalah masih rendah. Berbanding dengan wang yang sebegitu besar yang dibelanjakan bagi melahirkan usahawan Bumiputera hasilnya adalah tidak setimpal. Asas perniagaan kebanyakan ahli-ahli perniagaan dan usahawan Bumiputera bukan sahaja masih kecil dan terbatas, tetapi mereka juga sering gagal kerana tidak dapat bersaing dengan jayanya dalam pasaran terbuka. Bahkan apabila Bumiputera diberi perlindungan pun ramai yang gagal.

6. Pada mulanya pendapat masyarakat Bumiputera bahawa tidak adanya penyertaan Bumiputera dalam bidang perusahaan dan perniagaan hanyalah kerana mereka tidak mempunyai modal. Sebelum merdeka lagi, pemerintahan kolonial telah memperuntukkan modal sebanyak lima juta ringgit untuk RIDA atau Rural Industrial Development Authority bagi membolehkan Bumiputera mengatasi masalah modal.

7. RIDA kemudian ditukar menjadi MARA dan peruntukan yang lebih besar turut disediakan. Tetapi bagi mereka yang mendapat bantuan modal atau pinjaman MARA, kejayaan yang bermakna tidak tercapai. Walaupun peluang-peluang istimewa diadakan oleh Kerajaan, modal yang dipinjamkan masih tidak membawa kejayaan.

8. Masalahnya ialah kerana umum berpendapat siapa sahaja boleh berniaga jika ia berminat. Bahawa peniaga perlu memiliki pengetahuan yang khusus tidak menjadi pendapat umum. Bahawa pengetahuan ini boleh dikuasai melalui latihan dan tidak sahaja melalui pengalaman juga tidak dianggap sebagai satu kenyataan.

9. Oleh sebab pandangan inilah apabila DEB dilancarkan ramai yang memasuki bidang perniagaan dan perusahaan tanpa mempunyai apa-apa persiapan. Asalkan sahaja lesen atau kontrak didapati, modal boleh diperolehi dan perniagaan boleh disertai. Walaupun ada yang berjaya melalui proses yang tidak teratur ini, namun lebih ramai mereka yang bukan sahaja gagal tetapi mengalami nasib yang lebih buruk, iaitu daripada seorang yang tidak berhutang kepada seorang yang berhutang. Ramai juga yang menjadi bankrap. Jauh daripada maju ke hadapan, mereka sebenarnya telah berundur ke belakang. Dengan ini ekonomi Bumiputera turut terjejas.

10. Kegagalan yang terbesar ialah Bumiputera sebagai peniaga dan pengusaha masih tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat. Mereka terpaksa bergantung kepada kontrak Kerajaan dan keistimewaan-keistimewaan tertentu. Orang awam termasuk Bumiputera sendiri masih mengelak mereka jika ada kontrak sendiri yang hendak diberi. Ini adalah kerana kemampuan mereka masih diragui.

11. Kita boleh bersedih, bahkan marah kerana ketidakpercayaan masyarakat terhadap kebanyakan peniaga dan pengusaha Bumiputera. Kita mungkin berpendapat bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memaksa supaya peniaga dan pengusaha Bumiputera diterima atau diberi kuota. Tetapi pendekatan ini hanya menunjukkan bahawa Bumiputera tidak mungkin mampu mengatasi kelemahan mereka. Anggapan ini amat menghinakan.

12. Sebenarnya kemampuan Bumiputera dalam apa juga bidang adalah sama dengan bukan Bumiputera. Yang diperlukan ialah mengenal pasti akan sebab-sebab mereka lemah dan gagal. Setelah melihat bahawa peluang dan modal sahaja tidak mencukupi untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Bumiputera, kita harus mengenal pasti kelemahan-kelemahan lain.

13. Nilai-nilai mulia yang dipegang oleh kita menjadi faktor yang penting dalam mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Di antaranya ialah amanah dan perasaan bertanggungjawab, terutama terhadap apa yang dipertanggungjawab kepada kita. Jika ini dipandang ringan maka berbagai-bagai kesulitan akan dihadapi. Sebaliknya mereka yang beramanah dan bertanggungjawab akan mudah memperolehi kredit, kontrak dan bekalan.

14. Sebarang latihan untuk usahawan dan peniaga tidak akan membawa apa-

apa hasil jika tekanan kepada nilai-nilai mulia seperti itu tidak diberi perhatian. Kecekapan pengurusan semata-mata tanpa amanah boleh digunakan untuk melakukan jenayah dan penipuan. Harus diingat bahawa apabila seseorang Bumiputera melakukan sesuatu yang tidak bertanggungjawab atau beramanah, kesannya akan dirasakan oleh seluruh kaum Bumiputera. Memang ini tidak adil tetapi kenyataan hidup tidak selalunya adil.

15. Perkara yang kedua yang harus ditekankan ialah kesabaran. Mereka yang ingin kaya cepat akan ditimpa nasib yang malang jika mereka berniaga. Perniagaan harus tumbuh perlahan-lahan. Keuntungan bukan hanya untuk dibelanjakan tetapi untuk dilabur semula bagi membesarkan perniagaan atau untuk "hari hujan".

16. Sebenarnya untuk perniagaan yang besar, kerugian pada tahun-tahun awalan adalah perkara biasa. Juga semasa memulakan perniagaan, keuntungan tidak akan diperolehi. Kadang-kadang beberapa tahun akan berlalu dengan modal dibelanjakan tanpa apa-apa pendapatan. Tanpa kesabaran dan keyakinan terhadap masa depan, perniagaan besar tidak mungkin diusahakan. Kerana tidak sabar dan kurang yakin Bumiputera sering menjual lesen, saham dan kontrak untuk keuntungan serta-merta. Yang membeli dan sanggup menunggu akan dapat keuntungan yang berkali-ganda lebih besar.

17. Jelas sekali bahawa mereka yang ingin kaya cepat tidak sesuai dalam kebanyakan perniagaan yang mempunyai "gestation period" yang panjang. Selagi sifat ingin kaya cepat ini berleluasa di kalangan Bumiputera, selama itulah mereka akan gagal mendapat bahagian mereka dalam ekonomi negara. Mereka yang kaya cepat tidak akan kaya lama, kerana mereka tetap tidak berkebolehan mengurus kekayaan mereka. Harta mereka akan luput dan hilang sebelum pun satu generasi berlalu.

18. Masalah yang ketiga yang menyebabkan ramai Bumiputera gagal ialah kerana kelemahan dalam bidang pengurusan. Pengurusan adalah satu ilmu yang perlu dipelajari sepanjang masa. Ini adalah kerana tidak ada sesuatu pendekatan atau cara yang tetap mustajab bagi mengatasi persaingan dalam arena perniagaan. Namun ilmu pengurusan boleh menolong mengurangkan kesan buruk daripada persaingan, bahkan dalam kebanyakan kes boleh mengatasinya.

19. Bidang pengurusan mempunyai prinsip-prinsip yang tidak berubah. Penelitian secara mendalam, mengambil berat terhadap kos, berjimat cermat, bertanggungjawab, bertekun dan fikiran yang terbuka; semua ini tidak berubah dalam apa pun jenis perniagaan atau perusahaan, di mana-mana dan dalam apa-apa zaman. Jika prinsip-prinsip ini dipegang dan diamalkan bersungguh-sungguh, kemungkinan kerugian berlaku dapat dikurangkan jika tidak dihapuskan sama sekali.

20. Menyedari akan pentingnya kecekapan pengurusan, Kerajaan telah menubuhkan sebuah universiti khusus untuk disiplin pengurusan. Di zaman moden ini pengurusan sudah menjadi lebih canggih. Ia adalah satu seni serta

sains yang perlu di pelajari secara teratur, walaupun mereka yang mendapat ijazah belum layak untuk mengurus tanpa penyeliaan. Pengalaman diperlukan juga. Lebih lama pengalaman, lebih tinggi kecekapan mengurus.

21. Di kalangan Bumiputera ramai yang berpendapat bahawa jika mereka sudah dilatih untuk membuat sesuatu barang maka mereka sudah mampu menjadi pengusaha sendiri. Pendapat ini adalah salah. Orang yang boleh membuat sesuatu barangan belum pasti boleh berniaga. Ia boleh bekerja dalam bidang itu sahaja. Ini adalah kerana ia tidak mempunyai kecekapan mengurus, satu disiplin yang lain sama sekali daripada pembuatan. Bahawa setelah bekerja dalam sesuatu perusahaan, seseorang tukang boleh menjadi pengurus yang cekap, ini tidak bermakna semua yang dilatih dalam bidang pembuatan mampu mengurus. Pengurusan adalah aspek yang penting dalam perniagaan moden dan kecekapan mengurus hanya boleh didapati daripada pengalaman di bawah pengurus lain atau daripada pelajaran yang disusuli dengan pengalaman.

22. Sebarang usaha untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera tidak akan membawa apa-apa hasil selagi tekanan tidak diberi kepada kenyataan-kenyataan yang telah saya sebutkan. Ramai yang mungkin berpendapat bahawa tidak perlu kita sebut perkara-perkara ini kerana ia menghina dan melemahkan semangat. Biasanya tumpuan diberikan kepada apa yang perlu dibuat oleh Kerajaan, oleh agensi-agensinya seperti MARA, UDA, PKEN, oleh bank, bukan Bumiputera dan lain-lain pihak. Tetapi pengalaman telah menunjukkan bahawa walau apapun faktor asing dibaiki atau diatasi, selagi kemampuan pengusaha Bumiputera daripada segi sifat dan sikap serta juga ilmu dan kecekapan perniagaan tidak sesuai atau tidak ada, segala usaha akan gagal. Kenyataan mesti dikenalpasti dan diterima kerana hanya selepas itu baharulah pembetulan dapat dibuat. Tanpa pembetulan hasil tidak mungkin dicapai, sekurang-kurangnya tidak dengan memuaskan.

23. PNB telah ditugaskan membentuk Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) sebagai satu lagi pendekatan untuk mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera dalam proses mengimbangkan ekonomi antara kaum. Saya bangga kerana saya difahamkan bahawa sambutan Bumiputera terhadap usaha ini amatlah menggalakkan. Lebih ramai yang meminta untuk menyertai program PUNB daripada yang mampu diterima oleh PUNB. Yang gagal tidak perlu kecewa. Yang berjaya menyertai harus ingat bahawa penerimaan mereka merupakan langkah yang kecil sahaja ke arah kejayaan. Yang lebih penting ialah kesabaran dan ketekunan menyerap ilmu dan nilai-nilai yang telah disebutkan tadi. Insya-Allah, jika segala tunjuk-ajar dan syarat-syarat dipatuhi, mereka akan berjaya.

24. Dengan kata-kata ini dan dengan doa dan harapan yang penuh, saya melancarkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, dengan rasminya.